

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,

DATUK HUSSEIN ONN, DI MAJLIS

PERESMIAN PESTA RAKYAT BESUT,

TRENGGANU, PADA HARI AHAD, 1HB

OGOS, 1976, JAM 10.00 PAGI.

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh!

---

Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Trengganu,  
Yang Berhormat—Yang Berhormat,  
Dif-dif terhormat,  
Saudara-saudara sekalian,

---

Saya syukur ke hadzrat Allah s.w.t.,  
kerana inilah pertama kali saya dapat mengadakan  
lawatan resmi ke Negeri Trengganu, khasnya  
Daerah Besut ini. Tujuan lawatan ini, ialah  
untuk bertemu dengan rakyat di sini, dan  
seterusnya meresmikan Pesta Rakyat, iaitu  
satu usaha rakyat mempamirkan usaha kemajuan  
yang telah dicapai, di samping mengadakan hiburan  
bercorak kebudayaan.

2. Dari sambutan yang telah diberikan kepada saya, ternyata sekali bahawa rakyat di sini menyambut baik akan rancangan pembangunan Kerajaan, dan menyatakan keazaman untuk meneruskan usaha pembangunan, khasnya di Negeri Trengganu ini, bagi faedah kita bersama.
  
3. Saya mengucapkan terimakasih kerana berpeluang melawat kawasan ini secara dekat. Demikian juga, saya mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan Negeri Trengganu yang telah menjemput saya meresmikan Pesta Rakyat Daerah Besut pada pagi ini. Dari sambutan tadi, jelaslah sekali bahawa kebudayaan tradisional

Malaysia masih hidup, dan boleh dibanggakan.

Untuk mencapai kemajuan, bukan sahaja dipentingkan pertumbuhan ekonomi, bahkan perlu juga dititikberatkan kemajuan dalam aspek sosial termasuk kebudayaan.

4. Motif besar yang tersembunyi di belakang Pesta Rakyat ini, saya diberitahu, ialah:-

Pertama — Rakyat Besut ingin menunjukkan kepada umum akan kemampuan mereka melaksanakan projek-projek;

Keduanya — dari Pesta ini, rakyat dapat memberitahu akan kemajuan yang telah dicapai, dan

Ketiga — Rakyat ingin memperlihatkan kebolehan mereka dalam aspek kebudayaan tradisional.

5. Dari apa yang saya lihat di sekitar kawasan Kampung Raja ini, jelas menunjukkan bahawa Daerah Besut masih kaya dengan kebudayaan dan kesenian tradisionalnya. Unsur kebudayaan ini, yang melambangkan kesenian masyarakat Melayu, perlulah sentiasa dihidupkan supaya ia jangan terpendam. Alat-alat permainan seperti layang-layang dan gasing, seni-ukir, alat-alatan muzik tradisional tempatan juga sentiasa diguna dan dihidupkan, untuk diperturunkan kepada jenerasi yang akan datang.

6. Kesenian seperti berdikir-barat, Mak Yong dan Wayang Kulit yang popular bagi rakyat daerah ini, pada hemat saya, janqan dilupakan. Kesenian seperti ini, adalah satu cara bagi orang-orang tua dahulu menghiburkan diri mereka, sambil mendapat ajaran dari cerita-ceritanya. Sekiranya, kesenian ini dapat disesuaikan dengan keadaan zaman, dengan cerita-cerita yang berunsur keugamaan, pelajaran ~~dan~~ yang boleh menguatkan semangat, sambil menyatakan keburukan ancaman kominis, dadah dan lain-lain, saya percaya, ia akan menjadi media perantaraan yang baik bagi penduduk kampung yang jauh dari bandar. Dengan cara ini juga, kebudayaan dan kesenian Melayu tradisional, dalam bentuk yang disebutkan tadi

akan terus hidup berkekalan.

7. Di zaman kekurangan kerja bagi belia-belua kampung, mereka perlu mencari nafkah hidup dengan menggunakan tulang empat kerat dan pengetahuan yang ada. Kecekapan seseorang itu menggunakan tenaganya dalam mengukir atau menganyam, akan menentukan pendapatan yang lumayan. Pada masa ini, kita ketahui ramai pelancung sentiasa berkunjung ke Malaysia, terutamanya ke Pantai Timur. Mereka ini sentiasa mencari sesuatu yang berlainan, yang tiada boleh didapati di tempat mereka. Di sinilah datangnya kekayaan seni-ukir dan hasil kerjatangan Pantai Timur, yang boleh di bawa balik

oleh para pelancung itu, serta boleh mendapat pasaran yang baik di luar negeri, jika ada bekalan<sup>yang</sup>nya mencukupi.

Saudara sekalian,

8. Seperti yang kita ketahui, Kerajaan telah melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga pada 19hb Julai lepas. Rancangan ini merupakan peringkat kedua dalam pelaksanaan dasar ekonomi baru, dengan matalamat membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, membentuk semula masyarakat dan memperkukuhkan kemampuan menghadapi soal keselamatan. Walaupun Kerajaan telah beroleh kejayaan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua serta rancangan

sebelumnya, namun <sup>demikian,</sup> kemiskinan masih wujud  
lagi di beberapa peringkat masyarakat.

Oleh itu, Kerajaan akan menumpukan perhatian khas ke atas pembangunan negeri yang kurang maju seperti negeri Trengganu ini, supaya ia akan menempuh zaman kemajuan yang lebih  
cepat dari sekarang. Polisi dan rancangan Kerajaan akan ditumpukan kepada usaha menambah pengeluaran pertanian di dalam negeri-negeri yang kurang maju. Kerajaan juga akan berusaha menambahkan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan dan lain-lain. Demikian juga untuk menubuhkan pusat pembangunan yang baru, sambil meluaskan bidang perindustrian di negeri yang kurang maju itu. Dengan cara inilah

diharap dapat dikurangkan jurang perbedzaan ekonomi dan pendapatan penduduk antara negeri.

9. Selain daripada menumpukan pembangunan di seluruh negeri, Rancangan Malaysia Ketiga mempunyai matlamat mengurangkan kadar kemiskinan, terutamanya di kalangan penanam padi, pekebun kecil, nelayan, penduduk kampung baru, buruh pertanian dan Orang Asli. Kerajaan akan membelanjakan satu per empat daripada peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga hampir-hampir \$5,000 juta untuk <sup>*pertanian dan luar bandar*</sup> pembangunan pertanian.

10. Dalam melaksanakan usaha pembangunan ini, Kerajaan mengharapkan supaya perlu diwujudkan kerjasama yang berpadu di antara

semua lapisan masyarakat. Pada hemat saya, ada tiga pihak yang penting yang menentukan kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Pertamanya, ialah pihak Kerajaan sendiri.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan adalah bertanggungjawab membuat dasar, sesuai dengan keperluan rakyat.

Kerajaan adalah berlunaskan demokrasi

berparlimen. Semua dasarnya diluluskan oleh

Parlimen, di mana wakil rakyat dapat

membincangkannya. Jelaslah di sini bahawa

sebarang polisi yang dibuat oleh Kerajaan

adalah bertujuan mendatangkan menafaat kepada

masyarakat umum.

11. Pihak yang kedua ialah pegawai Kerajaan. Pegawai Kerajaan adalah pendukung segala dasar yang dibuat oleh Kerajaan. Mereka ini perlulah sentiasa cergas dan memahami sedalam-dalamnya tugas dan kewajipan masing-masing. Mereka perlu menjalankan tugas dengan jujur dan dedikasi. Sikap mereka hendaklah sentiasa ingin berkhidmat dan mara ke arah kemajuan. Mereka mesti sanggup membimbing rakyat dalam usaha meninggikan ekonomi mereka. Kerjasama di antara jabatan dan agensi Kerajaan amat penting, supaya mengelakkan sebarang selisih faham. Dengan 'integrated approach' seperti ini, saya percaya, Rancangan Malaysia Ketiga akan dapat dilaksanakan

dengan licin. Dengan cara ini juga dapat mempercepat pencapaian matlamat dasar ekonomi baru itu.

12. Pihak ketiga, yang sama pentingnya, ialah golongan rakyat sendiri. Sejak Rancangan pembangunan dilancarkan, banyaklah peluang terbuka kepada rakyat, di semua peringkat. Banyak pula kemudahan yang disediakan. Dalam menghadapi arus kemajuan ini, masyarakat luar bandar terutamanya, perlulah mengubah sikap dan cara berfikir, supaya dapat merebut dan sama-sama mengecap perkembangan ekonomi negara. Sebagai satu contoh, Kerajaan telah mencuba mengeluarkan hasil padi, cukup untuk keperluan

negara. Kerajaan telah memperkenalkan penanaman padi dua kali setahun, dan sedang menyelidik kemungkinan menanam padi lima kali dalam dua tahun. Saya menyeru kaum tani supaya menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, dan menolong usaha pembangunan ini. Saya bangga bahawa daerah Besut adalah jelapang padi bagi negeri Trengganu, dan Kerajaan telah membina projek taliair Besut dengan perbelanjaan \$23 juta. Projek taliair ini, memberi kemudahan kepada hampir 13 ribu ekar sawah padi. Inilah satu bukti Kerajaan membantu rakyat. Saya berharap kaum petani menggunakan sepenuhnya kemudahan perairan ini, supaya usaha Kerajaan meningkatkan pendapatan

akan tercapai. Satu daripada cara menggunakan kemudahan perairan ini sepenuhnya, ialah dengan menanam padi dua kali setahun. Rakyat juga diminta menambahkan tanaman kontan yang boleh mendatangkan hasil.

Saudara sekalian,

13. Pada minggu lepas, saya telah melancarkan Rancangan Buku Hijau, Peringkat Kedua, di Kampung Kunluang dan Asun, Kedah, sebagai lanjutan kepada Rancangan Buku Hijau dulu. Themanya ialah 'Pertanian secara Moden, Intensif dan untuk Perdagangan'. Di bawah rancangan ini, rakyat diminta menqubah sikap

dan pemikiran supaya disesuaikan dengan keadaan zaman. Bercocok tanam secara yang lazim dijalankan, tidak mendatangkan faedah besar. Peluang untuk bertani secara moden dan saintifik, terbuka luas, dan pihak Kerajaan sentiasa membantu dengan nasihat dan kemudahan. Seperti yang dinyatakan tadi, saya berkehendakkan usaha berpadu diamalkan seluas-luasnya.

Saya telah mengarahkan supaya Lembaga Pertubuhan Peladang akan mengambil peranan utama, sebagai pengurus penyelaras projek, dengan kerjasama Jabatan lain. Inilah cara yang sedang diuruskan di sini. Walaubagaimana pun, saya diberitahu ada terdapat masaalah pemasaran

di daerah Besut ini. Saya telah meminta pihak yang berkenaan, terutamanya FAMA, berusaha mencari jalan supaya hasil usaha petani tidak musnah dan dapat dipasarkan. Saya percaya FAMA akan memainkan peranan yang lebih dinamis, dalam bidang pemasaran ini. Usaha juga hendaklah digiatkan, supaya hasil tanaman yang cepat rosak, seperti sayuran dan buah-buahan, dapat dipasarkan dalam bentuk lain. Dalam Rancangan Buku Hijau ini, Kerajaan mengutamakan segala rancangan pertanian, diatur dengan lebih cermat, supaya pemasarannya terjamin. Di sinilah perlunya kerjasama, persefahaman dan perpaduan tenaga yang erat, di antara petani dan agensi Kerajaan. Petani yang mempunyai luas

tanah yang kecil, bersatu dengan jirannya, untuk mengerjakan tanah mereka bagi mendapatkan hasil pengeluaran yang banyak dan boleh diperdagangkan. Demikian juga, pemilik tanah yang tiada berdaya atau tiada mampu mengusahakan tanahnya, patutlah bermurah hati membenarkan petani lain yang sanggup mengerjakannya.

Saudara sekalian,

14. Oleh kerana tiap-tiap Kerajaan Negeri ada mempunyai dasar tanahnya tersendiri, timbulah perbedzaan cara pemberian dan pemilikan tanah, antara negeri-negeri itu. Walau bagaimanapun, adalah harapan kita ~~bersama~~ supaya Kerajaan-Kerajaan Negeri mengutamakan

golongan rakyat yang tiada bertanah, tetapi sanggup mengerjakannya. Dalam hal ini, saya sukacita mengetahui bahawa Kerajaan Negeri Trengganu telah mengadakan rancangan pemulihan nelayan-nelayan. Saya berharap tanah seluas 9 ribu ekar di Padang Permaisuri, Daerah Besut ini, yang telah diuntukkan bagi projek pertanian nelayan, dapat diusahakan sepenuhnya. Saya mahu Jabatan Kerajaan yang terlibat, akan memberikan kerjasama yang erat, bagi menjayakan projek ini, supaya taraf hidup nelayan kita dapat dimaju dan ditinggikan.

15. Saya mengetahui benar bahawa kehidupan rakyat nelayan memerlukan pembelaan. Ini

disebabkan pendapatan mereka bergantung kepada tangkapan ikan sehari-hari sahaja, kerana ada kalanya, mereka tiada dapat ke laut disebabkan cuaca buruk. Mereka pula perlu membayar sewa atau hutang membeli bot dan lain-lain. Dalam hal ini, <sup>mustahak</sup> ~~sesuailah~~ <sup>patut sangat</sup> bila Kerajaan Negeri memberi pandangan berat terhadap kehidupan nelayan, dengan memberikan apa juga bantuan yang boleh, untuk meninggikan taraf hidup mereka. Sejajar dengan dasar membantu nelayan ini, Kerajaan Pusat telah menguntukkan hampir <sup>26</sup> ~~30~~ juta untuk pembangunan nelayan di Trengganu.

Saudara sekalian,

16. Pesta Rakyat, yang diadakan ini mempunyai thema "Bersatu ke arah Kemajuan".

Thema ini amatlah sesuai dan sejajar dengan semangat Rancangan Malaysia Ketiga. Saya tertarik hati mengetahui, selain daripada Jabatan Kerajaan dan ajensinya, pihak swasta, kumpulan rakyat dan pertubuhan sukarela di Daerah Besut, telah sama-sama mengambil bahagian dalam pesta rakyat ini. Saya mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada Jawatankuasa Pesta, <sup>kepada Wakil Pegawai Daerah</sup> ~~Datuk Bentara Dalam~~, yang telah berusaha mengaturkan Pesta <sup>ini</sup> ~~sambil~~ memperojekkan imej daerah Besut.

17. Saya memuji semangat <sup>rakyat</sup> ~~rakyat~~ yang menyambut seruan bahawa pembangunan ekonomi dan sosial, tidak dianggap sebagai tanggungjawab serta tugas

Kerajaan dan sektor swasta sahaja. Kita sama-sama ada peranan. Pertubuhan sukarela mempunyai peluang yang luas dalam bidang pembangunan ekonomi. Mereka boleh mengambil bahagian dalam lapangan latihan dengan <sup>mem</sup>berikan ahli-ahlinya kecekapan dalam jurusan tertentu, supaya dapat menyediakan mereka mencebur diri dalam sebarang pekerjaan kelak. Pertubuhan sukarela patut mengadakan aktiviti yang lebih luas, supaya dapat menarik lebih ramai ahli dari golongan belia. Dengan cara ini, akan dapatlah mengumpulkan angkatan belia yang sihat dan berdisiplin dan penuh motivasi.

18. Ada setengah-tengah pendapat yang menyebut belia-belie yang tidak aktif, mempunyai

akal yang buntu. Mereka inilah yang sering diserapi oleh anasir jahat, dan terpengaruh dengan dadah, menjadi kumpulan jahat dan anti-nasional. Mungkin juga mereka tertarik dengan tipu helah komunis. Kepada saya, golongan belia ini perlu dipimpin dan diberi panduan. Oleh itu, jika pertubuhan sukarela menggunakan kepimpinan yang sepenuhnya, saya percaya, akan terbentuklah satu masyarakat belia yang bertanggungjawab, dan bebas dari apa juga pengaruh. Saya sukacita mengetahui bahawa dadah tidaklah menjadi ancaman besar bagi belia-belia di Daerah Besut ini. Tetapi kita hendaklah sentiasa berjaga-jaga, supaya perbuatan hina ini tidak menjadi penyakit yang

mudzarat seperti ditempat-tempat lain.

Saudara-saudara sekalian,

19. Sambil bersukaria, dan mengambil pengajaran dari Pesta Rakyat selama lima hari ini, saya berharap penduduk Besut khasnya, mengambil kesempatan mengetahui rancangan Kerajaan dan ajensinya, serta sedar akan peranan mereka dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Jabatan Pertanian, Perikanan dan Haiwan, telah memainkan peranan penting dalam pembangunan negara, terutamanya <sup>dalam</sup> ~~bagi~~ aspek penghidupan rakyat luar bandar. Dalam Pesta ini, banyak Jabatan Kerajaan ada menunjukkan berbagai aktiviti mereka untuk pengetahuan

rakyat, dengan harapan supaya rakyat mengetahui secara lebih mendalam tentang aktiviti tiap-tiap jabatan itu.

20. Pesta Rakyat ini juga telah dapat memberi gambaran tentang kehidupan rakyat di Besut, terutamanya dalam bidang ekonomi dan kebudayaan. Aspek yang penting dalam memberi gambaran kehidupan rakyat ini, ialah usaha mencungkil semua bakat-bakat pada orang perseorangan atau kumpulan, dan seterusnya menyalurkan bakat itu untuk faedah pembangunan. Pesta ini, saya percaya, akan dapat mengumpulkan anika bentuk kerja tangan, ukiran, hasil pertanian, perikanan dan sebagainya. Hasil usaha ini, saya yakin, akan dapat dijual

dengan mudahnya dalam tempoh pesta ini.

Yang tidak kurang pentingnya, ialah bagi ajensi pemasaran mengetahui jenis dan potensi pengeluaran hasil usaha ini, dalam satu musim, supaya dapat dirancangkan cara pemasaran yang teratur di masa akan datang.

21. Sebagai penutup, saya inginlah membuat beberapa pesanan. Pertamanya, dalam tempoh negara kita menghadapi masalah keselamatan, saya inginlah mengingatkan supaya rakyat tidak leka dan tidak lalai kepada ancaman-ancaman yang dihadapi <sup>oleh</sup> negara kita. Golongan kominis dan anasir-anasir subversif, adalah sentiasa mencari peluang menjalankan tipu helah mereka,

dan sekiranya rakyat tidak memahami dan menentang ancaman itu, tidak syak lagi gerakan mereka dapat meluas dan boleh membahayakan rakyat.

Sebaliknya, apabila setiap rakyat waspada dan tahu akan tugas kewajipan mereka, sudah tentulah gerakan anasir <sup>ini</sup> ~~subversif~~ ini tidak akan mudah mempengaruhi rakyat.

22. Satu perkara lain ialah, semasa berpesta ini, kita dapat menggabungkan rancangan Kerajaan untuk menyedarkan rakyat tentang aspek pembangunan, di samping rakyat pula dapat peluang menghiburkan diri dengan seni kebudayaan yang diadakan ini. Gabungan daripada kedua-dua usaha ini sangatlah baik. Tetapi saya inginlah mengingatkan semasa kita benar-benar serious

menuju kepada pembangunan dan kemajuan, kita tidaklah pula patut bersikap sambil lewa dan memberatkan masalah hiburan dan bersuka-suka. Perkara ini, saya tahu, memang menjadi keinginan bangsa kita. Pada hemat saya, kita hanya bersuka-suka dan menghibur diri, setelah kita berjaya dalam masalah hidup dan mencapai tujuan yang diharapkan. Oleh itu, perlulah kita menentukan keutamaan diri kita, dan menjalankan usaha untuk pembangunan kita dan negara. Jika segala usaha ini dapat dirancangkan, dengan sendirinya kelak, rakyat akan lebih bergiat lagi untuk melibatkan diri dalam projek yang dijalankan oleh Kerajaan untuk faedah mereka.


23. Akhirnya, saya berharap 'Pesta Rakyat' ini akan menjalinkan hubungan yang lebih erat lagi, di antara rakyat dari semua lapisan, dan juga diantara rakyat dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan. Dari berita yang telah disiarkan dalam akhbar-akhbar, saya percaya harapan penduduk Besut untuk memperkenalkan daerahnya kepada masyarakat umum telah tercapai. Dengan adanya potensi untuk pelancungan seperti Bukit Keluang, Bukit Dundong dan Pulau Perhentian, saya percaya lebih ramai lagi para pelancung dari luar dan dalam negeri, mengunjungi daerah Besut ini.

Dengan gabungan semangat pembangunan dan berpesta ini, saya dengan sukacitanya

meresmikan Pesta Rakyat Daerah Besut tahun  
1976.

Terima kasih.

-----



BERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI



memastikan telah dikyut menurut bentuk dan

1978

Terima kasih

**PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978



No. Siri .....	206
No Penerimaan .....	21/78